

**BAB KELIMA**

**PENUTUP**

## 1. Kesimpulan

1. Sesuai dengan latarbelakang agama yang kukuh di kalangan penduduk di daerah kajian, penulis dapat pada umumnya penghayatan atau kesedaran Islam mereka berada pada tahap yang baik.
2. Selain daripada latarbelakang agama yang mantap, penduduk Islam di daerah Besut juga sentiasa diberikan pendedahan yang baik terhadap aktiviti-aktiviti keagamaan, oleh pihak-pihak yang bertanggung-jawab.
3. Kebanyakan penduduk di daerah kajian, menyedari tentang kepentingan ibadah doa dan zikir di dalam kehidupan mereka dan sentiasa mengamalkan kedua-dua ibadah berkenaan.
4. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir ahli masyarakat Islam daerah Besut, yang masih memandang remeh terhadap ibadah doa dan zikir ini dalam kehidupan mereka.
5. Terdapat juga di kalangan umat Islam di daerah Besut yang

tidak mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam tentang kedua-dua ibadah ini, walaupun mereka mengamalkannya.

6. Ada juga setengah ahli masyarakat Islam daerah ini yang beranggapan bahawa ibadah doa dan zikir ini merupakan satu adat dalam kehidupan mereka, bukan sebagai satu ibadah untuk mencapai keredhaan Allah s.w.t..

7. Berdoa adalah amalan yang digalakkan oleh Allah s.w.t.. Oleh itu, kaum muslimin harus meniohon segala hajat yang dikehendaki samada di dalam urusan dunia maupun urusan akhirat, daripada Allah s.w.t.. Demikian juga, ibadah doa ini diamalkan oleh masyarakat Islam pada masa susah, juga pada masa senang.

8. Ibadah zikir yang dilakukan oleh sebagian besar masyarakat Islam di daerah Besut ini, tidak begitu berkesan, memandangkan mereka tidak memahami apa yang mereka lafazkan itu.

9. Allah s.w.t. telah memerintahkan supaya hamba-Nya mengingati-Nya, iaitu dengan melakukan ibadah, termasuk doa dan zikir, agar da-

pat menghampirkan diri mereka dengan Allah s.w.t..

10. Masih terdapat juga umat Islam yang menganggap bahawa ibadah doa dan zikir ini hanya dilakukan oleh mereka yang lemah sajaja, yang tidak berupaya untuk berusaha sendiri dalam mendapatkan sesuatu yang dihajati.

11. Sesungguhnya ibadah di dalam Islam bukanlah merupakan setu bebanan yang harus dilakukan oleh hamba-Nya, tetapi ia hanya sangat mudah dan ringan, seperti amalan zikir, yang boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja.

## 2. Saranan-saranan

Dari penyelidikan dan tinjauan yang telah penulis jalankan di daerah ..ajian, penulis mengemukakan beberapa saranan, untuk meningkatkan pemahaman umat Islam terhadap kedua-dua ibadah doa dan zikir.

a. Kepada pihak yang berwajib

1. Memandangkan masih terdapat kefahaman yang cetek terhadap agama, maka pendidikan agama terhadap umat Islam perlulah diper tingkatkan, terutamanya kepada golongan muda dan remaja.
2. Ceramah-ceramah, syaran-syaran agama, kursus-kursus kefahaman Islam dan sebagainya hendaklah diperbanyak, untuk memberi peluang kepada semua peringkat penduduk, untuk menambahkan ilmu keagamaan mereka.
3. Dengan harapan supaya ibadah doa dan zikir itu tidak disalah-tafsirkan oleh golongan-golongan tertentu, maka pihak yang berkenaan juga wajar mengambil tindakan segera, supaya keadaan tidak menjadi lebih parah, seperti berlakunya ajaran sesat, membuat perkara-perkara syirik, membuat perkara bid'ah dan sebagainya.
4. Kelas-kelas agama atau sebarang program keagamaan perlulah diadakan dengan tajuk-tajuk yang dapat menawan selera masyarakat, berdasarkan kepada tingkat keilmuan yang ada pada mereka, di kawasan-kawasan yang tertentu.

5. Pengetahuan tentang bahasa Arab perlu diajarkan kepada semua penduduk, sekurang-kurangnya bersabit dengan ibadah yang mereka lakukan, supaya menjamin lahirnya umat Islam yang memahami bahasa Arab, yang merupakan bahasa al-Qur'an.

b. Kepada pihak pendakwah dan pengkaji

1. Pengkaji-pengkaji perlu mengadakan penyelidikan yang seterusnya, berkisar tentang penghayatan agama di daerah kajian, semoga ianya menjadi satu pendorong dan juga satu wadah dakwah, bagi penduduk daerah kajian.

2. Kumpulan-kumpulan pendakwah juga perlu menambahkan aktiviti mereka dengan membuat pengkajian terhadap penghayatan Islam di kalangan masyarakat Islam seluruhnya, untuk diadakan satu jalan penyelesaian, kepada masalah-masalah mereka, dalam usaha melahirkan umat Islam yang sebenarnya.

3. Pihak media massa, khususnya penulis buku-buku agama, juga

perlu menambahkan bahan bacaan, yang membincarakan tentang perkara-perkara yang masih banyak tidak diketahui oleh kebanyakan masyarakat Islam, walaupun di mana sahaja mereka berada.

c. Kepada pihak ibu bapa dan masyarakat Islam seluruhnya

1. Para ibu bapa perlu mengambil inisiatif untuk membekalkan ajaran agama dan didikan akhlak yang secukupnya kepada anak-anak mereka, bukan semata-mata menyerahkan tanggung-jawab kepada pihak sekolah sahaja untuk memberikan didikan tersebut.

2. Masyarakat Islam seluruhnya hendaklah mengubah pandangan yang mengatakan bahawa ibadah doa dan zikir itu sebagai satu "trend" atau ikutan sahaja, dengan hanya menadah tangan, tanpa menghayati apa yang dinarapkan dari perlakuan itu.

3. Masyarakat Islam juga hendaklah menyedari bahawa ibadah doa dan zikir itu tiukamlah untuk diamalkan pada masa-masa atau majlis-majlis tertentu sahaja, bahkan diamalkan sepanjang masa.

4. Masyarakat Islam juga perlulah mengambil peluang menyertai sebarang program yang diadakan di tempat-tempat masing-masing, sebaik satu langkah untuk menambahkan ilmu dan pengalaman mereka tentang pengetahuan agama Islam.

Dari saranan-saranan yang telah disebutkan, penulis berharap akan ada langkah-langkah yang dibuat, untuk membantu melahirkan masyarakat Islam yang sebenar. Penulis juga berharap semoga akan ada kajian-kajian seterusnya yang berkisar tentang kefaamanan dan penghayatan Islam di kalangan masyarakat. Dengan itu, ia akan memudahkan langkah-langkah untuk meninggikan taraf umat Islam di mata dunia, seterusnya memudahkan terbinanya sebuah negara Islam yang dicita-citakan bersama.